

# Sahabat Nabī yang Terbilang

## ‘Ammār ibn Yāsir

Nama penuhnya: ‘Ammār ibn Yāsir ibn ‘Āmir al-Kanānī al-‘Ansī. Berasal dari negeri Yaman. Zahir di Makkah al-Mukarramah pada tahun 57 sebelum hijrah (567 M.).

Keluarganya: “Keluarga Yāsir” mempunyai riwayat yang indah dalam sejarah Islam. Keluarganya itu terdiri daripada ayahnya: Yāsir, ibunya: Sumayyah, dan saudara lelakinya: ‘Abd Allāh.

Ayahnya, sebelum Islam telah datang ke Makkah mencari seorang saudaranya yang telah lama hilang. Kedatangan Yāsir ke Makkah ditemani oleh saudaranya Mālik dan Hārith. Kedua-dua saudaranya itu kemudiannya telah kembali ke negeri Yaman, manakala Yāsir telah tinggal di Makkah bersahabat setia dengan Abū Ḥudhayfah ibn al-Mughīrah, lalu beristerikan “Sumayyah” seorang hamba perempuan kepunyaan Abū Ḥudhayfah, yang telah melahirkan ‘Ammār dan saudaranya ‘Abd Allāh.

‘Ammār telah memeluk Islam serentak dengan sahabatnya Ṣuḥayb al-Rūmī. Keduanya telah pergi berjumpa dengan Rasulullah *ṣallā Allāh ‘alayhi wasallam* di rumah al-Arqam dan di sana keduanya telah menjadi anggota-anggota Islam. Tatkala ‘Ammār memeluk Islam umurnya telah mencapai 30 tahun dan orang-orang Islam baharu berjumlah 30 orang.

Setelah ‘Ammār memeluk Islam, maka saudaranya dan kedua ibu bapanya telah turut memeluk Islam.

### Penderitaannya:

Tak dapat digambarkan azab sengsara yang telah ditimpakan oleh kaum musyrikin kepada ‘Ammār dan keluarganya.

‘Ammār dan keluarganya telah diselar dengan api dan dijemur di tengah panas terik di padang Ṣaḥrā’.

Pada suatu hari, tatkala mereka sedang diseksa oleh kaum musyrikin, Nabī (SAW) telah lalu di situ. Melihatkan hal mereka yang menyedihkan itu, baginda bersabda:

“Sabarlah wahai keluarga Yāsir, kamu semua ialah isi syurga.”

Pada suatu ketika, ‘Ammār telah diseksa dengan kejam oleh kaum musyrikin lalu dipaksa supaya dia memaki akan Nabī (SAW) dan memuji akan berhala mereka.

Oleh kerana seksa yang bersangkutan itu, ‘Ammār terpaksa menurut kehendak mereka. Setelah ia dilepaskan,

iapun bersegera pergi mendapatkan Rasulullah (SAW) dengan tangisnya. Tatkala ditanya oleh Nabī mengapa ia menangis, ‘Ammār pun menceritakan peristiwa yang telah berlaku atas dirinya. Mendengarkan itu, Nabī bertanya:

“Bagaimana hatimu ketika itu?”

“Hati saya tetap beriman” jawab ‘Ammār.

Kalau begitu, ujar baginda, jika mereka ulangi perbuatan mereka akan menyeksa kamu, bolehlah kamu mengulangi pula akan apa yang kamu telah katakan itu.

### **Syahid yang Pertama di dalam Islam**

Ayahnya Yāsir, dan saudaranya: ‘Abd Allāh, telah mati dalam seksaan.

Manakala ibunya: Sumayyah, telah diberikan oleh tuannya Abū Hudhayfah kepada Abū Jahal. Abū Jahal pun berkata kepada Sumayyah: “Rupanya engkau masih percaya kepada Muḥammad.” Lalu ditikam akan dia sehingga Sumayyah gugur syahid. Inilah syahid perempuan yang pertama sekali di dalam Islam. Sebagaimana suaminya: Yāsir menjadi syahid lelaki yang pertama sekali di dalam Islam.

Setelah ayah ‘Ammār, ibunya dan adiknya gugur syahid, maka tinggallah ‘Ammār seorang diri, dan sesudah itu pula iapun berhijrah ke Madinah. Di Madinah ia telah merempuh medan-medan perang bersama-sama Rasulullah (SAW) kerana mempertahankan Islam dari ancaman musuh.

Kerana imannya yang mendalam dan perjuangannya yang cemerlang, ‘Ammār ibn Yāsir telah digelarkan oleh Nabī (SAW) dengan gelaran: “al-Ṭayyib al-Muṭayyib”.

Dalam zaman Saidina Abū Bakar menjadi khalifah, ‘Ammār telah dikerah bersama-sama tentera Islam menindas kaum penderhaka.

Dalam peperangan al-Yamāmah, ketika tentera Islam diserbu oleh musuh, ‘Ammār dengan gagahnya telah memberi semangat kepada rakan-rakan seperjuangannya, ujarinya: “Mengapa tuan-tuan semua hendak melarikan diri daripada syurga?”

Mari ke mari, ini ‘Ammār ibn Yāsir!”

Pada saat itu telinganya hampir-hampir putus kerana ditetak oleh musuh. Dengan semangat berkobar ‘Ammār telah merempuh musuh dan telah berjaya mencapai kemenangan.

Dalam zaman pemerintahan Saidina ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb, ‘Ammār telah diangkat menjadi pesuruhjaya wilayah “Kūfah”. Oleh kerana penduduk Kūfah telah mengadu kepada Saidina ‘Umar bahawa ‘Ammār tidak cekap menjalankan pemerintahan, maka ‘Ammār pun diberhentikan daripada jawatannya itu. Pada ketika itu ia telah ditanya oleh Saidina ‘Umar ujarinya: “Adakah kamu masih sakit hati kerana kamu diberhentikan?”

“Saya tidak suka ketika saya diangkat, oleh itu, saya tidak sakit hati ketika saya diberhentikan” – jawab ‘Ammār.

Mendengar itu Saidina ‘Umar berkata: Memang aku tahu bahawa kamu bukan ahli pemerintah, tetapi aku hendak menepati maksud ayat suci, yang maksudnya:

“Dan kami hendak memberi nikmat kepada orang-orang yang lemah (tidak bersuku-sakat yang dapat membela mereka) dan hendak menjadikan mereka orang-orang yang mewarisi kebesaran.”

‘Ammār telah gugur di medan perang “Ṣiffīn” dalam barisan tentera Saidina ‘Alī. Pada ketika itu Saidina ‘Alī sedang menentang Mu‘awiyah yang telah bangun menderhaka.